

Kebimbangan perang rencatkan ekonomi: Dr M

PUTRAJAYA, Ahad - Kebimbangan sebenar terhadap peperangan tidak sesuai bagi perniagaan dan akan hanya merencatkan pertumbuhan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Hari ini, dunia tidak kelihatan begitu aman. Kita mengalami untuk kali pertamanya keganasan pada tahap amat besar. Kita melihat reaksi kepada keganasan yang serba sedikit mewujudkan suasana tidak sesuai untuk berniaga," kata Perdana Menteri pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucaptamanya di majlis makan malam Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur, di sini, malam ini.

Oleh kerana suasana itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak begitu yakin mengenai pemulihan ekonomi sebenar walaupun ada pemulihan di sana sini di bahagian tertentu dunia.

Tidak seperti pertumbuhan ekonomi yang amat pesat yang boleh dilihat dalam tahun pasca perang 1960-an dan 1970-an, Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat melihat perkara yang sama berlaku kini.

"Jadi saya fikir ada kebimbangan sebenar terhadap peperangan hari ini," katanya.

Ditanya mengenai ramuan Malaysia bagi mencapai kejayaan ekonomi, Dr Mahathir berkata, pada asasnya ia dicapai kerana sikap pragmatis di Malaysia.

Malaysia, katanya, tidak menganut sebarang ideologi, mala-

fiyah bukan kapitalisme atau komunisme, sebaliknya kerajaan cuma melakukan apa yang ia fikir akan berjaya dan mengeluarkan hasil.

Sebagai contoh, beliau berkata, Malaysia telah menggunakan idea komunis, mempunyai perancangan lima tahun dan 10 tahun untuk membangunkan ekonominya.

"Memang, Malaysia tidak cuma merancang tetapi juga melaksanakan perancangan itu," katanya.

Dalam sesi soal jawab itu juga, Perdana Menteri berkata, pasaran Asean boleh menjadi kukuh seperti pasaran China kerana rantau Asia Tenggara mempunyai penduduk sebanyak 500 juta, kira-kira separuh daripada penduduk China.

"Jika kita bekerja cukup keras, kita boleh menjadi pasaran yang amat besar. Kita boleh mengeluarkan banyak barangan bagi diri kita sendiri dan bagi seluruh dunia dan kita akan dapat menyaingi keluaran China," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau agak pasti bahawa China ingin menjual barangannya ke Asia Tenggara seperti Asia Tenggara ingin menjual barangannya ke China.

Beliau juga yakin bahawa Jepun dan Korea Selatan akan bekerjasama dengan Asean dan di bawah panji-panji Asean campur Tiga (Asean+3).

Asean+3 adalah Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dengan nama lain, katanya. - Bernama